

MALAYSIA
DEWAN NEGARA
ATURAN URUSAN MESYUARAT

NASKHAH SAHIH/BAHASA MELAYU

<http://www.parlimen.gov.my>

HARI KHAMIS, 26 FEBRUARI 2026, PUKUL 10.00 PAGI

Bil. 5

PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

1. PN-1551-L16112
Senator Dr. Jufitri bin Joha minta **PERDANA MENTERI** menyatakan :-
 - (a) apakah pelan jangka panjang Kerajaan bagi memastikan Bangunan Sultan Abdul Samad kekal sebagai bangunan warisan negara yang akan sepenuhnya dimanfaatkan oleh rakyat; dan
 - (b) berapakah peruntukan tahunan yang disediakan Kerajaan bagi kerja konservasi dan restorasi bangunan tersebut.
2. PN-1551-L15748
Senator Puan Rita Sarimah anak Patrick Insol minta **PERDANA MENTERI** menyatakan langkah-langkah Kementerian untuk memantau projek-projek binaan di bawah pemberian khas kepada Ahli-Ahli Parlimen dan Ahli Dewan Undangan Negeri bagi memastikan projek-projek tersebut disiapkan mengikut jadual tanpa kelewatan, memenuhi piawaian kualiti binaan yang ditetapkan serta dijalankan secara telus dan bebas daripada unsur rasuah atau salah urus tender.
3. PN-1551-L16042
Senator Datuk Edward Linggu Bukut minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan jangkaan tempoh pembekuan perolehan aset pertahanan, apakah kategori perolehan yang terkesan, serta apakah langkah atau mekanisme penambahbaikan yang akan diperkenalkan bagi memastikan proses perolehan kekal telus, berintegriti dan tidak menjejaskan keselamatan negara.

4. PN-1551-L16294
Senator Tuan Haji Hussin bin Ismail minta **PERDANA MENTERI** menyatakan status terkini pemantauan terhadap penganjuran program tertutup berunsurkan LGBT seperti 'Glamping with Pride' serta sejauh mana pendekatan dakwah dan bimbingan dilaksanakan bagi menangani aktiviti bercanggah dengan nilai agama dan Perlembagaan.
5. PN-1551-L16378
Senator Tuan Haji Abdul Nasir bin Haji Idris minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan strategi Kerajaan bagi mengekang penghijrahan tenaga mahir ke luar negara serta usaha menarik kepulangan profesional Malaysia ke pasaran kerja tempatan.
6. PN-1551-L15998
Senator Puan Noorita binti Sual minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM** menyatakan :-
 - (a) apakah usaha - usaha terkini yang telah diambil untuk menyeimbangi dasar kelestarian alam antara Kerajaan Pusat dan Kerajaan - Kerajaan Negeri; dan
 - (b) adakah Kerajaan berhasrat untuk meningkatkan peratusan hutan simpanan negara.
7. PN-1551-L16224
Senator Datuk Anna Bell @ Suzieana binti Perian minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP** menyatakan apakah usaha pihak Kementerian dalam memastikan peniaga runcit kecil-kecilan patuh dan mengguna pakai Sistem Skim Penstabilan Harga Minyak Masak (Ecos) secara menyeluruh agar ketirisan dapat dielakkan di semua peringkat jual beli di seluruh negara.
8. PN-1551-L15934
Senator Tuan Musoddak bin Ahmad minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan peranan Wisma Putra dalam memudahkan laluan bantuan Malaysia ke Gaza melalui Mesir dan Jordan serta cabaran diplomatik yang dihadapi dalam proses tersebut.

9. PN-1551-L15850

Senator Tuan Shahrol Wizan bin Sulong minta **MENTERI PERPADUAN NEGARA** menyatakan adakah Kerajaan bersedia untuk memperluaskan pelaksanaan Kawasan Rukun Tetangga di kampung-kampung Orang Asli termasuk mempertimbangkan penyediaan elaun atau peruntukan khas sebagai salah satu pendekatan untuk memperkukuh keharmonian komuniti dan menangani isu sosial secara berperingkat.

10. PN-1551-L16062

Senator Dato' Wu Him Ven minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan :-

- (a) status terkini pelaksanaan serta jumlah peruntukan yang telah disalurkan di bawah Program TEMAN-AKUA (Projek Transformasi Ekonomi Nelayan Melalui Akuakultur), Skim Pembiayaan Pemacu Perikanan Tangkapan, dan Skim Geran Padanan untuk Penggantian Pukat Tunda dan Bot mengikut pecahan negeri pada tahun 2025; dan
- (b) apakah langkah dan mekanisme yang diambil oleh Kerajaan bagi menangani pencerobohan kawasan tangkapan antara nelayan Negeri Sembilan dan Melaka yang sering kali berulang.

11. PN-1551-L15600

Senator Tuan Azahar bin Hassan minta **MENTERI DIGITAL** menyatakan apakah strategi Kementerian untuk memperkukuh penyelidikan dan pembangunan (R&D) teknologi baharu seperti kecerdasan buatan (AI), *Internet of Things* (IoT) dan realiti maya bagi memacu transformasi digital negara.

12. PN-1551-L16125

Senator Dato' Setia Salehuddin bin Saidin minta **MENTERI PERPADUAN NEGARA** menyatakan :-

- (a) bagaimana pihak Kementerian menangani isu yang melibatkan perpaduan rakyat dalam masyarakat yang berbilang kaum dan agama di negara ini; dan
- (b) Kementerian dilihat tidak memainkan peranan yang aktif dan pro aktif bagi menyatu padukan masyarakat termasuklah yang melibatkan isu-isu sensitif seperti pembinaan rumah-rumah ibadat tanpa kelulusan serta pertikaian antara kaum di platform-platform media sosial.

13. PN-1551-L16047

Senator Puan Saraswathy a/p Kandasami minta **MENTERI DIGITAL** menyatakan dalam konteks hubungan Malaysian - India yang semakin diperkukuh susulan lawatan Perdana Menteri India ke Malaysia, apakah strategi Kerajaan untuk memastikan manfaat kerjasama dua hala ini dapat dirasai secara langsung oleh rakyat Malaysia khususnya dalam mempercepat kemajuan sektor teknologi, digital dan kecerdasan buatan (AI).

14. PN-1551-L15783

Senator Tan Sri Dato' Low Kian Chuan minta **MENTERI KOMUNIKASI** menyatakan :-

- (a) langkah-langkah praktikal yang seharusnya diambil bagi mencegah penyalahgunaan aplikasi Grok AI memandangkan wujud jalan pintas teknikal seperti penggunaan VPN, integrasi silang platform dengan aplikasi X; dan
- (b) kesan akibat tindakan undang-undang yang terhad.

15. PN-1551-L15694

Senator Datuk Seri Prof. Emeritus Dr. Awang bin Sariyan minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan langkah-langkah berkesan yang diambil untuk membendung salah guna kuasa dan rasuah dalam Kementerian yang bertanggungjawab dalam hal ehwal keselamatan negara.

16. PN-1551-L15887

Senator Tuan Che Alias bin Hamid minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan langkah-langkah yang diambil untuk mengekang caj tersembunyi berkaitan kos kemasukan ke sekolah berasrama bagi memastikan beban kewangan tidak menghalang akses pendidikan golongan B40 dan M40.

17. PN-1551-L15620

Senator Datuk Bobbey bin Suan minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM** menyatakan apakah status pelaksanaan program pemulihan hutan yang terjejas di Sabah.

18. PN-1551-L16080

Senator Datuk Rosni binti Sohar minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan perancangan strategik Kementerian Pendidikan Tinggi untuk memastikan kursus-kursus yang ditawarkan di institusi pengajian tinggi awam (IPTA) selaras dengan keperluan industri khususnya dalam sektor pertumbuhan tinggi dan berimpak tinggi memandangkan kadar pengangguran dalam kalangan graduan serta ketidakpadanan kemahiran dengan pasaran kerja masih tinggi.

19. PN-1551-L15840

Senator Dato' Ahmad bin Dato' Sri Hj. Ibrahim minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan Persekutuan bercadang untuk mewujudkan satu mekanisme dasar yang jelas bagi memastikan GLC strategik selaras dengan komitmen Kerajaan terhadap MA63 supaya sebarang isu pertikaian tidak berulang lagi.

20. PN-1551-L16319

Senator Dato' Sri Vell Paari a/l Tun Samy Vellu minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan adakah Kementerian telah menjalankan kajian mengenai kesan psikologi dan tekanan mental terhadap pekerja susulan peningkatan beban kerja berintensiti tinggi (high-paced working environment) akibat penggunaan teknologi kecerdasan buatan (AI), serta apakah pelan Kementerian untuk memperkasakan aspek keselamatan dan kesihatan pekerjaan dalam menghadapi perubahan landskap kerja ini.

21. PN-1551-L15560

Senator Dato' Setia Dr. Haji Mohd Na'im bin Haji Mokhtar minta **MENTERI KOMUNIKASI** menyatakan apakah pendirian Kerajaan terhadap peranan kecerdasan buatan (AI) sebagai *gatekeeper* maklumat yang menentukan kandungan apa yang boleh diakses oleh rakyat, dan bagaimana Kerajaan memastikan bahawa peranan ini tidak menjejaskan kebebasan beragama serta penyampaian ajaran Islam yang sahih di ruang digital.

22. PN-1551-L15717

Senator Puan Susan Chemerai Anding minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan bagaimana petunjuk prestasi utama (KPI) misi diplomatik kita telah dikalibrasi semula bagi mencerminkan keutamaan keselamatan ekonomi ini memandangkan peningkatan fragmentasi geoekonomi termasuk strategi 'China+1' yang lazim dalam kalangan pelabur utama.

23. PN-1551-L15569

Senator Tuan Pele Peter Tinggom minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah status terkini persempadanan semula kawasan Dewan Undangan Negeri Sarawak dan kawasan Parlimen seperti yang diperuntukkan di bawah Perlembagaan Persekutuan.

24. PN-1551-L15727

Senator Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan apakah usaha yang sedang dilakukan oleh Kementerian dalam menambah baik penyaluran maklumat dan juga penerangan berkaitan sistem UPU dan juga skor pemarkahannya kepada para pelajar supaya pemilihan institusi pendidikan yang tepat dapat dilakukan oleh mereka.

25. PN-1551-L15637

Senator Puan Norhasmimi binti Abdul Ghani minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan :-

- (a) berapa bilangan kem Program Latihan Khidmat Negara (PLKN) yang telah dibuka setakat tahun ini; dan
- (b) apakah prosedur standard kriteria pemilihan serta garis panduan pengambilan pelatih yang sedang dilaksanakan bagi memastikan proses pengambilan teratur, adil dan selamat.

26. PN-1551-L15871

Senator Dr. Hajah Wan Martina binti Wan Yusoff minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk merombak prosedur pemilihan Ketua Pesuruhjaya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia bagi memastikan ketelusan dalam proses pelantikan tersebut.

27. PN-1551-L16030

Senator Puan Tiew Way Keng minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP** menyatakan tahap pematuhan harga barangan asas dalam tempoh enam bulan ke belakang dan strategi penguatkuasaan terhadap pencatutan serta rantaian bekalan yang menekan pengguna-pengguna, khususnya pengguna bandar.

28. PN-1551-L16151

Senator Dato' Shamsuddin bin Haji Abd Ghaffar minta **MENTERI PERPADUAN NEGARA** menyatakan data terkini mengenai jumlah serta kapasiti Tadika Perpaduan di seluruh negara dan apakah perancangan Kementerian untuk menambah bilangan tadika tersebut selaras dengan pelaksanaan pendidikan prasekolah bermula seawal umur lima tahun pada tahun 2027.

29. PN-1551-L16369

Senator Tuan Roderick Wong Siew Lead minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan adakah pelajar SPM 2025 yang memperoleh keputusan 10A dan ke atas, termasuk A+, A dan A-, dijamin tempat ke Program Matrikulasi sebagai peluang pendidikan yang adil kepada pelajar berpotensi tinggi.

30. PN-1551-L16359

Senator Datuk Seri Dr. Mujahid bin Yusof minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan usaha memperkenalkan dasar Madani di kalangan pelajar IPTA sekaligus membendung aktiviti pelajar yang terdorong kepada fahaman melampau agama yang dibawa oleh pihak luar ke kampus.

31. PN-1551-L15712

Senator Puan Susan Chemerai Anding minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan apakah langkah konkrit yang akan dilaksanakan Kementerian untuk memulihkan kepercayaan awam dan institusi terhadap integriti angkatan tentera serta pasukan keselamatan susulan penangkapan berprofil tinggi baru-baru ini.

32. PN-1551-L15932

Senator Tuan Musoddak bin Ahmad minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan keberkesanan program sedia ada dalam melahirkan petani muda profesional yang merangkumi keseluruhan rantai nilai pertanian daripada inovasi sehingga pemasaran digital.

33. PN-1551-L15948

Senator Dato' Haji Abdul Halim bin Haji Suleiman minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP** menyatakan langkah-langkah menangani ketirisan rantai bekalan makanan yang menyumbang kepada kenaikan harga di peringkat pengguna.

34. PN-1551-L16323
Senator Dato' Sri Vell Paari a/l Tun Samy Vellu minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan pelan strategik Kementerian dalam melengkapkan tenaga kerja tempatan dengan kemahiran baharu melalui program latihan semula dan peningkatan kemahiran bagi mengekang risiko pengangguran akibat automasi dan penggunaan AI, khususnya dalam sektor pembuatan.
35. PN-1551-L15650
Senator Puan Norhasmimi binti Abdul Ghani minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sejauh manakah aplikasi MyFelda benar-benar meningkatkan ketelusan penyata hutang, bayaran dan potongan hasil peneroka serta kecekapan pemantauan ladang.
36. PN-1551-L15750
Senator Puan Rita Sarimah anak Patrick Insol minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP** menyatakan apakah langkah KPDN dan Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) untuk memastikan pasaran Malaysia kekal kompetitif khususnya dalam industri makanan, e-dagang, farmaseutikal dan bahan binaan demi mengelakkan kartel, penetapan harga dan monopoli yang boleh menjejaskan pengguna dan ekonomi.
37. PN-1551-L15944
Senator Dato' Haji Abdul Halim bin Haji Suleiman minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan perancangan Kerajaan dalam menyelesaikan masalah kekurangan bilik darjah, guru dan fasiliti pembelajaran di sekolah apabila darjah 1 pada umur 6 tahun dilaksanakan kelak.
38. PN-1551-L16229
Senator Tuan Haji Baharuddin bin Ahmad minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah langkah tegas Kerajaan dalam menangani peningkatan rasuah yang melibatkan Institusi Perkhidmatan Awam termasuk pegawai tinggi Kerajaan agar kepercayaan rakyat dapat dipulihkan kembali.
39. PN-1551-L15655
Senator Dato' Prof. Emeritus Dr. Mohammad Redzuan bin Othman minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan adakah Kementerian Pendidikan Tinggi mempunyai kaedah serta peraturan bagi memastikan integriti penggunaan gelaran Dr. adalah terhad kepada individu yang benar-benar memiliki kelayakan Doktor Falsafah (PhD) daripada universiti awam atau swasta yang mematuhi piawaian dan syarat penganugerahan yang telah ditetapkan.

40. PN-1551-L15556

Senator Dato' Setia Dr. Haji Mohd Na'im bin Haji Mokhtar minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah langkah Kerajaan untuk membangunkan kerangka tadbir urus teknologi berkaitan agama Islam, dan sejauh manakah kerangka ini dibandingkan dengan amalan terbaik negara lain seperti Arab Saudi, Indonesia dan Emiriah Arab Bersatu yang telah membangunkan platform digital Islamik serta kecerdasan buatan (AI) patuh Syariah secara sistematik.

41. PN-1551-L16338

Senator Dato' Sivaraj a/l Chandran minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan :-

- (a) berapa jumlah pelajar India kategori B40 yang menerima bantuan pendidikan melalui Unit Transformasi Masyarakat India Malaysia (MITRA) dan agensi berkaitan bagi tahun terkini; dan
- (b) berapa peratus liputan bantuan berbanding jumlah sebenar pelajar India B40 serta mekanisme pemantauan keberkesanan bantuan tersebut.

42. PN-1551-L15595

Senator Tuan Azahar bin Hassan minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP** menyatakan :-

- (a) apakah statistik penguatkuasaan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) berkaitan kes pencatutan dan penipuan harga setakat tahun 2026; dan
- (b) apakah tindakan susulan yang diambil.

43. PN-1551-L16122

Senator Dato' Shamsuddin bin Haji Abd Ghaffar minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan apakah langkah-langkah komprehensif yang sedang dilaksanakan oleh Kementerian bagi memperkukuh tadbir urus sistem perolehan pertahanan agar lebih telus, berakauntabiliti dan berintegriti supaya mengelak dari berlakunya ketirisan dana negara.

44. PN-1551-L15911

Senator Tuan Manolan bin Mohamad minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM** menyatakan :-

- (a) apakah jaminan Kerajaan bahawa aktiviti pembalakan dan aktiviti perlombongan tidak menjejaskan tanah adat serta sumber keperluan asas kehidupan masyarakat Orang Asli; dan

- (b) apakah tindakan yang telah diambil oleh Kementerian berkaitan pencemaran sungai di Kampung Kelaik Pos Blau Gua Musang.
45. PN-1551-L16297
Senator Tuan Haji Hussin bin Ismail minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sejauh mana keberkesanan pemantauan Unit Penyelarasan Pelaksanaan (ICU) melalui sistem MyProjek dalam menjamin ketelusan pelaksanaan projek pembangunan setakat ini serta apakah penambahbaikan yang akan dilaksanakan di bawah pembangunan MyProjek 2.0.
46. PN-1551-L15826
Senator Dato' Ahmad bin Dato' Sri Hj. Ibrahim minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP** menyatakan adakah Kementerian berhasrat menjadikan Program Jualan Rahmah sebagai program jualan utama dan tahunan sepertimana Kempen Beli Barangan Buatan Malaysia.
47. PN-1551-L15790
Senator Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah status semasa termasuk peratusan sebenar hotel di Kuala Lumpur yang telah mendapatkan pengesahan rasmi arah kiblat dan adakah Kerajaan bersedia untuk mewajibkan semua hotel di Kuala Lumpur dan seluruh negara mendapatkan sijil pengesahan arah kiblat yang sah daripada pihak berkuasa agama.
48. PN-1551-L16198
Senator Tuan Michael Mujah Lihan minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan inisiatif Kementerian untuk mempromosikan amalan pertanian lestari dan mesra alam di Sarawak termasuk teknik pengurusan air, baja organik dan mitigasi risiko perubahan iklim bagi menjamin kesinambungan pengeluaran makanan negara.
49. PN-1551-L15816
Senator Tuan Abun Sui Anyit minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan apakah tahap liputan PERKESO dan program latihan kemahiran di kawasan luar bandar Sarawak, serta apakah langkah yang diambil untuk menubuhkan perkhidmatan satelit di daerah-daerah pedalaman.
50. PN-1551-L15888
Senator Tuan Che Alias bin Hamid minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan :-
(a) apakah dapatan awal daripada penubuhan makmal Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik di sekolah-sekolah; dan

- (b) sejauh mana syor-syor makmal tersebut telah diintegrasikan dalam strategi pendidikan 2026 bagi meningkatkan semula peratusan murid dalam aliran STEM yang sedang merosot.
51. PN-1551-L16139
Senator Tuan Robert Lau Hui Yew minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sekiranya Kerajaan bercadang untuk meminda Seksyen 3(2) Akta Pembangunan Petroleum 1974 demi menguatkan ketelusan dan akauntabiliti termasuk pengawasan oleh Parlimen, selaras dengan kepentingan Petroliaam Nasional Berhad (PETRONAS) kepada ekonomi negara dan kepentingan awam.
52. PN-1551-L16272
Senator Dr. Lingeshwaran a/l Dato' Seri R. Arunasalam minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan adakah Kementerian Pendidikan akan menjalin kerjasama dengan agensi seperti Unit Transformasi Masyarakat India Malaysia (MITRA) untuk membina makmal robotik atau pengekodan di Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT) terpilih bagi memupuk minat pelajar India terhadap bidang teknologi tinggi.
53. PN-1551-L16126
Senator Dato' Setia Salehuddin bin Saidin minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan :-
- (a) adakah Kerajaan mengambil langkah yang mencukupi bagi memastikan simpanan makanan negara terjamin; dan
- (b) adakah Kerajaan menggalakkan penternakan daging tempatan secara meluas, tanaman padi yang lebih efisien dan khususnya menangani isu pencerobohan nelayan negara asing ke atas perairan negara yang menggunakan pukut tunda secara besar-besaran yang boleh mengakibatkan rosaknya ekosistem lautan di kawasan perairan negara.
54. PN-1551-L16245
Senator Tuan Mohd Hasbie bin Muda minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan apakah rasional Kementerian mengambil alih Tingkatan Enam dan program Matrikulasi dan sejauh manakah persediaan perjawatan dan fasiliti.
55. PN-1551-L15541
Senator Tuan Niran Tan Kran minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah kaum bukan Melayu yang telah memohon jawatan di Jabatan Perkhidmatan Awam sejak tahun 2020 hingga 2025 dan berapakah bilangan serta peratusan yang berjaya menjawat jawatan dalam Perkhidmatan Awam.

56. PN-1551-L16414

Senator Puan Tiew Way Keng minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan :-

- (a) apakah prosedur untuk memastikan amalan tatakelola yang baik, ketirisan tidak berlaku khususnya yang melibatkan tender atau sebutharga; dan
- (b) apakah tindakan yang diambil sekiranya berlaku sebarang dakwaan rasuah atau salahguna kuasa berlaku.

57. PN-1551-L15653

Senator Dato' Prof. Emeritus Dr. Mohammad Redzuan bin Othman minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan apakah komponen yang bertujuan memberikan kefahaman dan amalan MADANI kepada pelajar dalam Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) bagi kursus Mata Pelajaran Umum (MPU) baharu yang diperkenalkan di universiti.

58. PN-1551-L16205

Senator Tuan Haji Baharuddin bin Ahmad minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan apakah langkah Kerajaan dalam membantu para petani yang terbeban dengan kenaikan kos baja, benih dan lain-lain input pertanian.

59. PN-1551-L16223

Senator Datuk Anna Bell @ Suzieana binti Perian minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah usaha kerajaan dalam memastikan proses pengajaran dan pembelajaran di sekolah bersesuaian dengan kemajuan era digitalisasi dan penggunaan teknologi kecerdasan buatan (AI) yang sedang digunakan di negara-negara maju seperti Jepun, China dan Jerman.

60. PN-1551-L16403

Senator Datuk Nelson W Angang minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan jumlah siswazah yang sedang mengikuti pengajian dan data siswazah yang telah mendapat pekerjaan sejak selepas PKP sehingga 2025. Bagaimana dapatan ini digunakan untuk memperbaiki dasar bagi memastikan kurikulum dan latihan yang ditawarkan lebih relevan dengan kebolehpasaran graduan terutamanya di Sabah yang berdepan dengan cabaran.

61. PN-1551-L15537

Senator Tuan Niran Tan Kran minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berapakah jumlah keseluruhan masyarakat Bumiputera Siam yang kini berkhidmat dalam Perkhidmatan Awam dan apakah usaha Kerajaan untuk menarik minat mereka menyertai Perkhidmatan Awam.

62. PN-1551-L15991

Senator Dato' Leong Ngah Ngah minta **MENTERI PERPADUAN NEGARA** menyatakan adakah Kerajaan mempertimbangkan penubuhan sebuah Jawatankuasa Kebangsaan yang diterajui oleh pegawai bukan Islam bagi mengurus dan menyelaras hal ehwal agama bukan Islam termasuk aspek bantuan pentadbiran dan penyelesaian isu berbangkit memandangkan kewujudan kuil dan tokong yang telah lama dibina tanpa kebenaran sejak ratusan tahun yang lalu bagi mengurangkan konflik serta memastikan pengurusan yang lebih tersusun dan berkesan.

63. PN-1551-L15909

Senator Tuan Manolan bin Mohamad minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan sejauh manakah keberkesanan program pendidikan inklusif dan asrama khas Orang Asli dalam meningkatkan kejayaan dalam pencapaian akademik dan kemahiran murid Orang Asli.

64. PN-1551-L16021

Senator Tuan Amir bin Md Ghazali minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan apakah pelan adaptasi Kementerian terhadap perubahan iklim yang menjejaskan hasil pertanian seperti banjir dan kemarau atau hasil tanaman yang tidak menjadi sekali gus membantu petani dan penternak kecil menguruskan risiko melalui skim insurans atau perlindungan pendapatan.

65. PN-1551-L15613

Senator Datuk Bobbey bin Suan minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah status kemajuan pelaksanaan projek sekolah daif di negeri Sabah.

66. PN-1551-L16335

Senator Dato' Sivaraj a/l Chandran minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan :-

- (a) berapa peratus pelajar India yang lulus dan mencapai keputusan cemerlang dalam peperiksaan utama seperti SPM bagi tahun terkini serta jurang prestasi mereka berbanding kaum lain; dan
- (b) apakah intervensi khusus Kementerian untuk menutup jurang pencapaian tersebut.

67. PN-1551-L15876

Senator Dr. Hajah Wan Martina binti Wan Yusoff minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan usaha Kerajaan dalam memodernisasi bidang pertanian seiring dengan perkembangan semasa serta meningkatkan tahap penggunaan teknologi dalam output produk pertanian.

68. PN-1551-L16240

Senator Tuan Mohd Hasbie bin Muda minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah asas dan pertimbangan utama Kerajaan dalam menggubal Akta Ombudsman memandangkan telah wujud pelbagai agensi aduan seperti Biro Pengaduan Awam (BPA) dan Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan (SIAP).

69. PN-1551-L16070

Senator Dato' Wu Him Ven minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan :-

- (a) jumlah kerugian industri penternakan khinzir akibat wabak *African Swine Fever* (ASF) dan sejauh manakah status pembayaran wang saguhati (ex-gratia) kepada penternak yang terjejas telah diselesaikan dan apakah langkah biosekuriti jangka panjang yang sedang dikuatkuasakan bagi mencegah gelombang wabak seterusnya; dan
- (b) senarai syarikat-syarikat bagi semua abatoir serta loji pemprosesan khinzir luar negara yang telah berdaftar dan diluluskan oleh Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) sehingga Disember 2025 mengikut pecahan 9 buah negara pengeksporth.

70. PN-1551-L16355

Senator Datuk Seri Dr. Mujahid bin Yusof minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah aspek perundangan yang boleh mengembalikan keyakinan rakyat kepada institusi politik dan pemerintah yang mengalami defisit kepercayaan yang tinggi hari ini.

71. PN-1551-L15758

Senator Puan Rita Sarimah anak Patrick Insol minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah penilaian Kementerian Pendidikan terhadap tahap kualiti dan kompetensi guru pada masa ini dan apakah langkah konkrit yang sedang dan akan dilaksanakan bagi memastikan guru benar-benar berkualiti, bermotivasi dan selari dengan keperluan pendidikan abad ke-21.

72. PN-1551-L16140

Senator Tuan Robert Lau Hui Yew minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah pendirian Kerajaan terhadap permohonan yang difailkan oleh Petroliam Nasional Berhad (PETRONAS) pada 12 Januari 2026 di Mahkamah Persekutuan untuk mendapatkan penjelasan mengenai rangka kerja peraturan yang mengawal operasi PETRONAS di Sarawak, yang menamakan Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri Sarawak sebagai responden.

73. PN-1551-L16376

Senator Tuan Haji Abdul Nasir bin Haji Idris minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan mekanisme pemantauan Kerajaan bagi menilai kesan gaji minimum RM1,700 terhadap pasaran pekerjaan dan produktiviti dan adakah penetapan kadar akan disemak secara berjadual.

74. PN-1551-L15775

Senator Tan Sri Dato' Low Kian Chuan minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan :-

- (a) bilangan kemasukan ke institusi pengajian tinggi awam (IPTA) melalui laluan A-Level bagi tahun 2019 hingga 2024; dan
- (b) kriteria kemasukan bagi kelayakan A-Level.

75. PN-1551-L15787

Senator Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah pelan strategik Tabung Haji serta pelarasan awal dalam memastikan perubahan dasar Kerajaan Arab Saudi di bawah Vision 2030 dan adakah terdapat kelewatan perancangan yang menyumbang kepada peningkatan kos serta tekanan ke atas pengurusan haji jemaah Malaysia serta pengeluaran Visa Mujamalah.

ATURAN URUSAN MESYUARAT DAN USUL-USUL

1. **Senator Tuan Niran Tan Kran** akan mencadangkan :-

“Bahawa suatu ucapan yang tidak sepatunya dipersembahkan kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya:-

“Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Negara di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang ikhlas daripada Majlis Dewan Negara mengucapkan berbanyak-banyak syukur dan menjunjung kasih Titah Ucapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong semasa membuka Penggal Kelima, Parlimen Yang Kelima Belas.”

- Menyambung semula Perbahasan atas masalah [25 Februari 2026]

- | | | | |
|----|-----------------|--|-------------------------------|
| 2. | (D.R.44/2025) | Rang Undang-undang Perjanjian Penyelesaian Antarabangsa Yang Terhasil Daripada Pengantaraan 2025 | Bacaan Kali Yang Kedua |
|----|-----------------|--|-------------------------------|

[Jabatan Perdana Menteri]

- | | | | |
|----|----------------|--|-------------------------------|
| 3. | (D.R.1/2026) | Rang Undang-undang Rapid Transit System Link Johor Baru-Singapura 2026 | Bacaan Kali Yang Kedua |
|----|----------------|--|-------------------------------|

[Menteri Dalam Negeri]

- | | | | |
|----|----------------|---|-------------------------------|
| 4. | (D.R.2/2026) | Rang Undang-undang Pemberian Mengikut Bilangan Orang 2026 | Bacaan Kali Yang Kedua |
|----|----------------|---|-------------------------------|

[Menteri Kewangan]

- | | | | |
|----|------------------|---|---------------------------------|
| 5. | *(D.R.3/2026) | Rang Undang-undang Kualiti Alam Sekeliling (Pindaan) 2026 | Bacaan Kali Yang Pertama |
| | | [Menteri Sumber Asli dan Kelestarian Alam] | |
| 6. | *(D.R.25/2025) | Rang Undang-undang Pembaharuan Semula Bandar 2025 | Bacaan Kali Yang Pertama |
| | | [Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan] | |
| 7. | *(D.R.19/2024) | Rang Undang-undang Mufti (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 2024 | Bacaan Kali Yang Pertama |
| | | [Jabatan Perdana Menteri] | |
| 8. | (D.R.33/2025) | Rang Undang-undang Sistem Insurans Pekerjaan (Pindaan) 2025 | Bacaan Kali Yang Kedua |
| | | [Menteri Sumber Manusia] | |
| 9. | *(D.R.4/2026) | Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan) 2026 | Bacaan Kali Yang Pertama |
| | | [Jabatan Perdana Menteri] | |

10. *(D.R.5/2026) Rang Undang-undang Perlembagaan
(Pindaan) (No.2) 2026 **Bacaan Kali
Yang
Pertama**

[Jabatan Perdana Menteri]

11. *(D.R.6/2026) Rang Undang-undang Perbekalan
Tambahan (2025) 2026 **Bacaan Kali
Yang
Pertama**

[Menteri Kewangan]

*Menandakan bahawa Rang Undang-undang ini akan dipertimbangkan pada semua Peringkat oleh Dewan Negara tertakluk kepada Rang Undang-undang tersebut diserahkan oleh Dewan Rakyat.